




MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE

# 10 Mitos Lazim Mengenai Penjagaan Kesihatan Singapura

Memahami sistem penjagaan kesihatan kita



**Kemampuan penjagaan kesihatan** merupakan keprithatinan yang dikongsi bersama di kalangan ramai warga Singapura.

Sistem penjagaan kesihatan kita, dilaksanakan berdasarkan pembayaran bersama, menggalakkan individu untuk bertanggungjawab terhadap kos penjagaan kesihatan mereka sendiri. Namun, setiap orang boleh menerima penjagaan kesihatan yang termampu melalui banyak skim sokongan dan subsidi yang disediakan.

**Berikut ialah beberapa contoh:**

### **Subsidi ujian kemampuan**

membantu warga Singapura yang berpendapatan rendah untuk membayar bil perubatan. Lebih banyak subsidi diberikan kepada golongan yang kurang mampu untuk membayar.

**Medisave** membantu anda menabung sebahagian daripada gaji bulanan dan untuk perbelanjaan perubatan pada masa depan supaya anda tidak perlu mengeluarkan wang tunai yang banyak jika anda perlu dirawat di hospital.

**Medifund** ialah jaringan keselamatan kewangan untuk semua warga Singapura yang tidak mampu membayar bil perubatan disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan.

**MediShield** melindungi anda daripada penyakit yang memudaratkan serta bil perubatan yang terlampau tinggi. Bersama-sama dengan Medisave, ia mengurangkan bil untuk menjadikan penjagaan kesihatan lebih termampu.




**Dalam brosur ini, kami akan menjelaskan 10 mitos mengenai kemampuan penjagaan kesihatan supaya anda dapat memahami sistem penjagaan kesihatan kita.**

# Mitos #1

Saya bimbang untuk dirawat di hospital kerana saya tidak mampu membayar bil hospital.

Semua warga Singapura menerima subsidi sehingga 80% di wad Kelas B2 / C di hospital yang dibiayai pemerintah. Pada usia 56-60 tahun, warga Singapura biasa akan mempunyai dana lebih daripada mencukupi di dalam akaun Medisave mereka untuk membayar bil Kelas B2 / C (dengan kos \$1,768 pada tahun 2010) selepas subsidi. MediShield membantu membayar sebahagian besar baki bil tersebut. Anda juga boleh menggunakan Medisave ahli keluarga terdekat untuk mengurangkan pembayaran wang tunai.



Contoh bagaimana MediShield dan Medisave membantu bil yang besar (Persentil ke-85)

Latar belakang: Pesakit wanita berusia 70 tahun Keadaan: Pinggang patah Tempoh berada di hospital: 8 hari di wad kelas C	
Caj Wad & Rawatan	\$4,080
Prosedur Pembedahan	\$3,800
Implan	\$1,920
Jumlah Bil Sebelum Subsidi Pemerintah	\$9,800
<b>Jumlah Bil Selepas Subsidi Pemerintah</b>	
MediShield Bayar	\$1,456
Medisave Bayar	\$1,364
<b>Wang Tunai Diperlukan</b>	<b>\$0</b>

Tidak ada siapa akan disisihkan daripada menerima rawatan yang mereka perlukan di hospital yang dibiayai pemerintah disebabkan mereka tidak mampu membayar. Jika masalahnya kerana tidak mampu, ada boleh memilih wad yang kurang mahal (Kelas C) di mana anda menerima subsidi sehingga 80% atau melakukan rawatan yang kurang mahal tetapi dengan rawatan yang sama berkesan.

Anda juga boleh mendapatkan maklumat daripada Pekerja Sosial Perubatan (MSW) di hospital mengenai pelan bantuan kewangan yang ada seperti Medifund yang terdapat di semua hospital pemerintah dan pusat pakar.

## Mitos #2



Saya tidak perlukan ElderShield sebab saya sudah mempunyai **MediShield**.

MediShield dan ElderShield ialah dua skim yang berbeza dan memenuhi keperluan yang berbeza. MediShield membantu anda membiayai kos hospital yang besar (di wad Kelas B2 atau C) atau pembedahan sementara ElderShield membiayai perbelanjaan penjagaan jangka panjang anda disebabkan kecacatan yang berkaitan dengan usia lanjut.

## Mitos #3

Saya tidak lagi dapat masuk ke wad Kelas B2 / C di hospital disebabkan ujian kemampuan.

Sesiapa sahaja boleh memilih untuk masuk ke wad Kelas B2/C. Ujian kemampuan membantu hospital untuk menentukan kemampuan anda untuk membayar supaya lebih banyak sumber boleh disalurkan kepada golongan yang lebih memerlukan. Jika anda memilih untuk tidak melakukan ujian kemampuan, anda tetap akan menerima peringkat subsidi minima, iaitu 50% bagi Kelas B2 dan 65% bagi Kelas C.


## Mitos #4

Agen saya memberitahu saya bahawa perlindungan saya tidak akan terjejas jika saya bertukar pelan **Integrated Shield (IP)** yang ditawarkan syarikat insurans yang berlainan.



Jika anda ingin menukar pelan Integrated Shield anda, sila maklum bahawa permohonan anda akan ditaja jamin dan diterima oleh syarikat insurans bergantung kepada keadaan kesihatan anda. Sebarang keadaan kesihatan yang berlaku semasa dilindungi oleh syarikat insurans anda kini mungkin tidak akan dilindungi oleh syarikat insurans yang baru. Anda mungkin kehilangan perlindungan IP bagi sebarang rawatan yang berkaitan dengan keadaan kesihatan yang sedia ada. Namun, perlindungan MediShield anda tidak akan terjejas.

## Mitos #5



Subsidi pemerintah disediakan untuk pesakit dialisis ginjal yang memerlukan di bawah Yayasan Ginjal Nasional atau Yayasan Dialisis Ginjal. Bantuan kebajikan tambahan mungkin ada untuk pesakit yang memerlukan. Anda juga boleh menggunakan MediShield dan Medisave untuk membiayai kos dialisis.

Saya seorang pesakit dialisis ginjal yang memerlukan rawatan dialisis secara tetap. Saya telah berhenti kerja dan tidak mampu membiayai rawatan dialisis saya.

Minta bantuan daripada Pekerja Sosial Perubatan di hospital atau di pusat penyedia dialisis untuk maklumat lanjut.

Subsidi pemerintah disediakan untuk keluarga yang memerlukan dan mempunyai ahli keluarga yang memerlukan penjagaan. Anda boleh membuat permohonan bagi subsidi ujian kemampuan sehingga 75% bagi penjagaan di rumah atau di institusi penjagaan kesihatan atau rumah penjagaan VWO.

Sila bertanya kepada Agensi bagi Penjagaan Bersepadu (AIC) atau rumah penjagaan pesakit itu untuk maklumat lanjut mengenai bantuan kewangan.

## Mitos #6



Saya mempunyai ibu lanjut usia yang terlantar di katil dan memerlukan penjagaan. Tidak ada bantuan kewangan untuk penjagaannya.

# Mitos #7


MediShield dan Medisave cukup untuk membiayai kebanyakan bil hospital bagi Kelas B2/C. Pada tahun 2010, tujuh daripada 10 orang pesakit dengan MediShield dan/atau Medisave tidak perlu membayar wang tunai untuk bil hospital sebagai pesakit dalam mereka.

Saya dipaksa untuk membeli pelan insurans privet yang mahal sebab **MediShield dan Medisave** tidak mencukupi untuk membayar bil hospital.

MediShield dan Medisave cukup untuk membiayai kebanyakan bil hospital bagi Kelas B2/C. Pada tahun 2010, tujuh daripada 10 orang pesakit dengan MediShield dan/atau Medisave tidak perlu membayar wang tunai untuk bil hospital sebagai pesakit dalam mereka.

Rajah: Saiz bil di kelas wad yang berbeza di hospital yang distruktur semula.

Kelas Wad	Peringkat Subsidi	Media	Purata
A [Sebuah katil, berhawa dingin, TV]	0%	S\$2,966	S\$5,076
B1 [4 katil, berhawa dingin, TV]	20%	S\$2,266	S\$4,282
B2 [6 katil, tidak berhawa dingin, tidak ada TV]	50-65%	S\$1,033	S\$1,817
C [8-10 katil, tidak berhawa dingin, tidak ada TV]	65-80%	S\$865	S\$1,729



# Mitos #8

Pelan Integrated Shield (IP) yang diluluskan Medisave oleh syarikat insurans privet menyediakan perlindungan tambahan ke atas MediShield tetapi dengan kos tambahan dan sesuai untuk individu yang ingin berada di hospital privet atau wad Kelas A/B1. Sila bertanyakan kepada penasihat kewangan jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai IP privet.

Saya tidak mempunyai banyak wang di dalam **Medisave** saya untuk membayar rawatan saya di hospital atau klinik.

Jika Medisave anda tidak mencukupi, anda boleh menggunakan Medisave pasangan, anak atau ibu bapa anda untuk membayar rawatan anda. Tidak ada sesiapa yang akan disisihkan atau dilengahkan rawatan kepada mereka disebabkan mereka tidak mampu membayar di mana-mana institusi penjagaan kesihatan yang dibiayai pemerintah.

Sila bertanyakan kepada Pekerja Sosial Perubatan atau petugas di mana-mana hospital untuk bantuan kewangan jika anda tidak mampu membayar bil penjagaan kesihatan bagi anda atau ahli keluarga anda.

# Mitos #9

## Medisave & MediShield

hanya membiayai bil hospital. Tidak ada bantuan bagi penjagaan pesakit luar yang sedang saya jalani bagi penyakit kronik saya.

Medisave dan MediShield boleh digunakan untuk beberapa rawatan pesakit luar yang mahal seperti dialisis ginjal dan kemoterapi dan radioterapi untuk rawatan barah.

Medisave juga boleh digunakan di klinik-klinik pakar, GP dan Poliklinik yang mengambil bahagian untuk rawatan 10 jenis penyakit kronik yang biasa, dengan had \$400 setiap tahun dari Januari 2012. 10 penyakit tersebut ialah: penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi, strok, lelah, COPD, skizofrenia, kemurungan utama, dementia dan gangguan bipolar.

Poliklinik juga menyediakan penjagaan asas yang termampu dan bersubsidi untuk warga Singapura. Pada masa yang sama, klinik GP privet yang menyertai Skim Perkongsian Penjagaan Asas (PCPS) menyediakan subsidi bagi warga Singapura yang berpendapatan pertengahan hingga rendah.

Sila bertanya kepada Pekerja Sosial Perubatan (MSW) di poliklinik atau klinik pakar pesakit luar untuk maklumat lanjut mengenai skim kewangan yang lain jika anda memerlukan bantuan tambahan.



# Mitos #10

Oleh kerana saya masih muda dan sihat serta mempunyai faedah kesihatan majikan, saya tidak perlu membeli insurans kesihatan.

Keadaan kesihatan boleh berubah tanpa diduga. Permohonan perlindungan anda mungkin ditolak jika anda mempunyai masalah kesihatan sebelum membeli insurans. Adalah lebih baik untuk melindungi diri anda lebih awal sebelum keadaan itu berlaku.

Premium MediShield dan IP adalah berdasarkan usia, iaitu ia lebih murah pada usia yang muda, dan anda boleh menggunakan akaun Medisave anda atau ahli keluarga untuk membayar premium insurans anda. Tidak seperti MediShield dan IP, faedah kesihatan majikan akan ditamatkan apabila anda bersara atau bertukar majikan. Keadaan ini menjadikan anda tanpa perlindungan.

Oleh kerana keadaan dan keperluan anda berbeza dengan orang lain, anda boleh bertanya penasihat kewangan untuk nasihat mengenai pelan yang sesuai dengan anda.



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE

**10** Mitos Lazim Mengenai  
Penjagaan Kesihatan Singapura

UNTUK MAKLUMAT  
LANJUT



Mengenai Medisave, MediShield dan Skim Perkongsian Penjagaan Asas, sila layari laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.sg>

Mengenai Medisave, MediShield dan Pelan Intergrated Shield yang diluluskan Medisave, sila layari laman web Lembaga Dana Simpanan Pekerja di <http://www.cpf.gov.sg>

Mengenai bantuan kewangan dengan perkhidmatan Jangka Pertengahan dan Jangka Panjang, sila layari laman web Agensi bagi Penjagaan Bersepadu (AIC) di <http://www.aic.sg>

Mengenai Medisave bagi penyakit kronik, layari laman web Lembaga Penggalakkan Kesihatan di <http://www.hpb.gov.sg>